

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN
BIN TUN HUSSEIN (SEMBRONG)

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini jumlah pempamer dan delegasi asing yang akan terlibat dalam LIMA'19 serta berapa banyakkah pesawat dan aset maritim yang akan mengambil bahagian secara keseluruhan. Serta apakah matlamat dan harapan Kementerian hasil daripada penganjuran LIMA'19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 29 Februari 2019, sebanyak 387 pempamer telah bersetuju untuk menyertai pameran LIMA`19 dengan pecahan 192 syarikat tempatan dan 195 syarikat antarabangsa. Daripada jumlah tersebut, 70% merupakan syarikat pertahanan manakala 30% adalah syarikat dari sektor komersil. Bagi jemputan delegasi asing, sebanyak 598 tetamu jemputan Kementerian Pertahanan dari 61 buah negara dan 110 jemputan tetamu Kementerian Pengangkutan dari 38 buah negara telah dijemput hadir. Sehingga kini, seramai 220 delegasi telah menyatakan persetujuan untuk hadir ke LIMA`19.

Secara keseluruhannya, sebanyak 150 buah pesawat ketenteraan dan komersil dari seluruh dunia akan terlibat dalam menjayakan pameran LIMA pada kali ini. Bagi segmen maritim pula, LIMA`19 telah berjaya menarik penyertaan 104 aset maritim yang melibatkan kapal perang, kapal latihan, kapal selam, helikopter dan bot.

Penganjuran pameran LIMA sejak tahun 1991 telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada peningkatan pembangunan pertahanan negara. Ianya dapat dilihat dengan kerjasama industri pertahanan tempatan dan industri pertahanan luar negara yang berkembang dari semasa ke semasa. Objektif LIMA untuk melahirkan industri pertahanan tempatan yang berdikari dan berdaya saing akan terus dilaksanakan. Melalui LIMA, industri pertahanan negara akan mendapat manfaat dengan perkongsian idea serta teknologi dengan industri pertahanan terkemuka di dunia. Syarikat-syarikat industri pertahanan dari seluruh dunia yang terlibat dalam pameran ini dapat menggunakan peluang ini bagi mewujudkan jaringan kerjasama dan secara tidak langsung menjadikan Malaysia sebagai pusat (hub) untuk memasarkan produk mereka ke benua Asia khususnya di rantau Asia Pasifik. Dalam masa yang sama, ianya mampu memberi kesan kepada ekonomi negara menerusi sektor pekerjaan, pembangunan kemahiran dan penembusan rantai pembekalan global.

Selaras dalam meletakkan Pulau Langkawi dan Malaysia sebagai destinasi *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) yang utama di Asia, Kementerian Pertahanan dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain telah mengaturkan pelbagai program dan aktiviti bagi menarik kehadiran tetamu di Pulau Langkawi. Kehadiran tetamu-tetamu ini ke Pameran LIMA dapat mempromosikan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan istirehat utama di Malaysia.

Dalam penganjuran LIMA`19, penglibatan sektor komersil terus dipertingkatkan dengan penyertaan lebih banyak syarikat komersil bagi kedua-dua segmen maritim dan aeroangkasa. Ini bagi membolehkan LIMA terus bersaing setanding dengan pameran pertahanan dunia yang lain. Kementerian berharap LIMA`19 dapat memberi peluang kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), agensi penguatkuasaan dan industri sektor komersil untuk menilai perkembangan teknologi terkini serta dapat membuat kajian pasaran ke atas aset-aset ketenteraan, keselamatan dan komersil di seluruh dunia.

NO SOALAN : 55

Pelaburan jangka masa panjang dan usahasama antara syarikat tempatan dan antarabangsa serta negara yang mengambil bahagian akan terus diperkukuhkan dengan perjanjian-perjanjian persefahaman dan kontrak yang ditandatangani semasa LIMA`19 berlangsung.

Justeru, Kementerian dengan penuh harapan akan memastikan penganjuran LIMA`19 berjalan dengan lancar. Setiap peserta pameran yang telah membuat pelaburan yang tinggi dalam menyertai LIMA`19 ini diharapkan mendapat pulangan di atas pelaburan yang telah dibuat melalui peluang yang ada dengan memasarkan produk kepada pembeli berpotensi melalui program-program business networking yang telah dirancang semasa LIMA`19 berlangsung kelak.